

English 🔍 [f](#) [t](#) [v](#) [i](#)

FOTO

Mesyuarat Quartet Menteri di Parlimen

FOTO | 12 OKTOBER 2021



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan telah berkesempatan menghadiri Mesyuarat Quartet Menteri di Parlimen untuk sesi libat urus mingguan mengenai pengurusan pandemik COVID-19.

Mesyuarat Quartet Menteri (MQM) tersebut adalah antara usaha Kerajaan memastikan gerak kerja antara Kementerian dan agensi berkaitan dapat diperkemaskan lagi.





Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob beberapa hari lepas, kelonggaran untuk merentas negeri telah pun diberikan kepada mereka yang lengkap vaksin 2 dos. Ini adalah satu kejayaan buat #KeluargaMalaysia yang telah bekerjasama dalam memastikan sebanyak 90 peratus populasi dewasa negara lengkap divaksinasi.

Namun, pandemik COVID-19 ini masih berada di sekeliling kita dan kita semua belum selamat sepenuhnya daripada ancaman virus tersebut. Beliau berharap rakyat akan terus berdisiplin dalam mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) dan kawalan sendiri. Beliau juga berharap agar kita semua saling menasihatkan keluarga dan rakan-rakan untuk sentiasa berjaga-jaga dan semoga kita [#KeluargaMalaysia](#) akan terus selamat daripada belenggu COVID-19 ini.

[Tengku Zafrul](#)[Covid-19](#)[Keluarga Malaysia](#)[Parlimen](#)[Siaran Media](#)[Bajet 2023](#)[Koleksi Ucapan](#)[Petikan Akhbar](#)[Foto](#)[Video](#)[Pengumuman](#)[Laporan LAKSANA](#)[Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[LAKSANA REPORT](#)[BAJET 2023](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)[LAPORAN LAKSANA](#)[LAPORAN KEWANGAN RAKYAT](#)[HARGA MINYAK](#)[ANWAR IBRAHIM](#)[PEMERKASAAN PERNIAGAAN](#)

TENGGU ZAFRUL

KERTAS KONSULTASI AWAM

BAJET 2022

Arkib Foto

[Seterusnya →](#)

Copyright © 2022 Kementerian Kewangan Malaysia. All Rights Reserved.

[Portal myGov](#)

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)
[Peta Laman](#)

[Penafian](#)
[Bantuan](#)

[Dasar Privasi](#)